

Baca petikan pada muka surat 108 dan jawab soalan.

Berbakti demi negara.

Jofri berbual-bual dengan datuknya.

Datuk Jofri ialah bekas anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Beliau pernah bertugas di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

"Adakah tugas anggota TLDM mencabar, datuk?" tanya Jofri.

"Ya, Jofri. Tugas anggota TLDM amat mencabar.

Mereka perlu menjaga keselamatan perairan negara," jawab datuk Jofri.

Datuk Jofri mengambil sehelai keratan akhbar lalu menghulurkannya kepada Jofri. Keratan akhbar itu tentang kejayaan sepasukan anggota TLDM menewaskan lanun di perairan negara.

"Datuk terlibat dalam kejadian itu," kata datuk Jofri.

Menurut datuk Jofri, mereka diserang oleh sekumpulan lanun semasa melakukan rondaan di kawasan perairan negara.

Lanun-lanun itu bersenjata api.

Kejadian yang berlaku hampir meragut nyawa datuk Jofri dan rakan-rakannya. Beliau dan rakan sepasukannya telah membalas serangan lanun-lanun itu. Akhirnya, lanun-lanun itu berjaya ditewaskan.

"Wah, hebatnya!" puji Jofri. Beliau amat berbangga kerana datuknya telah berjasa kepada negara.

1. Siapakah datuk Jofri ?

2. Apakah tugas utama anggota TLDM?

3. Apakah kejayaan pasukan anggota TLDM?

4. Bilakah lanun menyerang pasukan petugas TLDM?

5. Mengapakah lanun-lanun tersebut kelihatan berbahaya ?

6. Perkataan **berbakti** dapat digantikan dengan perkataan daripada petikan.